

(21 mei 2021) Sinar Harian, p.8

Rekod baharu lagi, 6,806 kes positif

Selangor kekal menyumbang angka tertinggi 2,277 kes

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

MEMDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

J angkitan Covid-19 terus menunjukkan trend membimbangkan apabila Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan angka tertinggi baharu iaitu 6,806 kes positif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif 492,302 kes dan kes aktif pula 50,171 kes.

Menurut beliau, sebanyak 6,804 penularan dalam negara dikesan membabitkan 6,122 rakyat tempatan dan 682 warga asing.

"Terdapat juga dua kes import yang melibatkan rakyat tempatan," katanya dalam ke-



DR NOOR HISHAM

nyataan pada Khamis.

Beliau berkata, KKM merekodkan 3,916 kes pulih sepanuhnya daripada Covid-19.

"Jumlah keseluruhan kes sembuh adalah 440,032 iaitu bersamaan 89.4 peratus," kata-

Turut dikenalpasti adalah tujuh kluster komuniti dan masing-masing satu kluster pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia serta kluster golongan berisiko tinggi."

Mengulas lanjut mengenai penularan dalam negara, Dr Noor Hisham berkata, Selangor kekal menyumbang angka tertinggi dengan 2,277 kes.

"Ia diikuti Kuala Lumpur (655), Johor (615), Sarawak (608), Kelantan (426), Kedah

(417) dan Pulau Pinang (362).



"Negeri Sembilan melaporkan 291 kes, Perak (248), Sabah (245), Terengganu (233), Pahang (157), Putrajaya (35), Labuan (17) dan Perlis (apan)," katanya.

Menurut Dr Noor Hisham, terdapat 24 kluster Covid-19 dikenal pasti yang merangkumi sembilan kluster tempat kerja dan enam kluster keagamaan.

"Turut dikenal pasti adalah tujuh kluster komuniti dan masing-masing satu kluster pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia serta kluster golongan berisiko tinggi," katanya.

Orang ramai diingatkan terus patuh kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi mengelakkan diri dijangkiti Covid-19.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 492,302 | PULIH: 440,032 | ICU: 587 | KEMATIAN: 2,099 | KES BAHARU: 2,099 | SUDAH DIVAKSIN: 2,061,327

